

Personal Data Protection Notice for Monash University Malaysia (Employees)

Monash University Malaysia respects and is committed to the protection of your personal information and your privacy. This Personal Data Protection Notice explains how we collect and handle your personal information in accordance with the Malaysian Personal Data Protection Act 2010. Please note that we may amend this Personal Data Protection Notice at any time without prior notice and will notify you of any such amendment via our website or by email.

(1) Personal information

1.1 *Type of personal information*

Personal information means any information which relates to you (including details of your family members) and which was collected or provided to Monash University Malaysia for employment related purposes. Your personal information may include your name, IC / passport number, photo, contact details, Social Security Organisation (“**SOCSO**”) number, Employees Provident Fund (“**EPF**”) number, income tax number, bank account number, previous employment records, academic, professional related information, CCTV / security recordings, criminal records and bankruptcy status.

1.2 *Source of personal information*

Monash University Malaysia collects your personal information directly from you (for example, through the employment application forms, personal particulars declaration forms, offer of employment / secondment letter, previous employment income form) or indirectly from recruitment agents, referees and searches carried out or information obtained from any regulatory, credit reporting or other similar agencies.

1.3 *Obligatory personal information*

All information requested for in the relevant forms is obligatory to be provided by you unless stated otherwise.

Should you fail to provide the obligatory information, we may be unable to:

- process and assess your application during the application stage; and
- provide you with relevant services and benefits or assist you in other matters relating to your employment after the commencement of your employment with Monash University Malaysia.

(2) Purposes of collecting and further processing (including disclosing) your personal information

Your personal information is collected and further processed by Monash University Malaysia as required or permitted by law and for employment related purposes, including the following:

- to process your application for employment and to consider your suitability for the role applied;
- to process matters relating to your claims and benefits;
- to provide you with training or other human resource development;
- to facilitate your secondment and transfer within Monash University and/or its affiliates;
- to process your payroll;

- to evaluate your performance;
- to resolve workplace disputes and assess disciplinary action (in respect of internal investigations, audit or security purposes);
- to comply with relevant reporting obligations under applicable laws and regulations such as income tax/EPF/SOCSO and statistical reporting; and
- to process other matters relating to your employment (such as events / functions / activities held by Monash University Malaysia for its employees).

It is our policy to retain certain Personal Data of employees when you cease to be employed by us. Such data are required for any residual employment-related activities in relation to a former employee including, but not limited to the provision of job reference, processing applications for re-employment, matters relating to retirement benefits and allowing us to fulfill contractual or statutory obligations.

(3) Disclosures and transfers of personal information (within or outside of Malaysia)

3.1 *Monash University Malaysia and Monash University*

Your personal information provided to us is processed by Monash University Malaysia and Monash University and its outsourcing partners (within or outside of Malaysia).

Monash University Malaysia will ensure that:

- (i) access to your personal information is restricted to employees who are contractually required to process your personal information in accordance with their respective job requirements; and
- (ii) only necessary information is released to the relevant employees.

3.2 *Classes of third parties*

Your personal information is disclosed or transferred to relevant third parties (within or outside of Malaysia) as required under law or pursuant to relevant contractual relationship (for example, where we appoint third party service providers).

In the event of a potential, proposed or actual sale of business, disposal, acquisition, merger or re-organisation ("**Transaction**"), your personal information may be required to be disclosed or transferred to a third party as a result of the Transaction. You hereby acknowledge that such disclosure and transfer may occur and permit Monash University Malaysia to release your personal information to the other party and its advisers / representatives.

Your personal information may be disclosed to the following classes of third parties:

- The Ministry of Education other relevant government departments / agencies, statutory authorities and industry regulators;
- Any person to whom we are compelled or required to do so under law or in response to a competent or government agency;
- Your current, past or prospective employers;
- Education and training institutions and examining bodies;
- Employment and recruitment agencies;
- Financial organisations and advisers;
- Our external counterparts providing educational programmes;

- Relevant professional or statutory regulatory bodies or accreditation bodies (if you are a teaching staff and depending on the requirements of the programme or course or where there is a collaboration between Monash University Malaysia and the relevant bodies);
- EPF;
- SOCSO;
- Inland Revenue Board of Malaysia;
- Law enforcement agencies;
- Potential or actual purchasers / successors-in-title of the business or share (wholly or in part) of Monash University Malaysia; and
- Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as auditors, lawyers, company secretary, printing companies, telecommunications companies, contractors, other advisers, event / training organisers and insurance companies).

(4) Right to access and correct personal information

You have the right to access and correct your personal information held by us. We will make every endeavour to ensure your personal information is accurate and up to date therefore we ask that if there are changes to your information you should notify us directly.

If you would like to access your personal information, please refer to our [Personal Data Access Request Form](#) and send us the completed form or query to the contact details in Section (5) below. If you would like to correct your personal information, please contact us via the details provided in Section (5) below.

(5) Limiting the processing of personal information, further enquiries and complaints

If:

- you would like to obtain further information on how to limit the processing of your personal information;
- you have any further query; or
- you would like to make a complaint in respect of your personal information, you may contact :-

Director, Human Resources

Tel : +603 - 5514 4955

Email Address : janice.wong@monash.edu

Fax : +603 - 5514 6144

(6) Website

6.1 Links to other sites

Links to other sites are provided for your convenience and information. These sites may have their own privacy statements in place, which we recommend you review if you visit any linked websites. We are not responsible for the content on the linked sites or any use of the site.

6.2 Cookies

A cookie may be used in the processing of your information. A cookie is a text file placed into the memory of your computer and/or device by our computers. A copy of this text file is sent by your computer and/or device whenever it communicates with our server. We use cookies to identify you. We may also collect the following information during your visit to our website and / or the fully qualified domain name from which you accessed our site, or alternatively, your IP address:

- the date and time you accessed each page on our web site;
- the URL of any webpage from which you accessed our site (the referrer); and
- the web browser that you are using and the pages you accessed.

(7) Conflict

In the event of any conflict between this English language Personal Data Protection Notice and its corresponding Bahasa Malaysia Personal Data Protection Notice, the terms in this English language Notice shall prevail.

Notis Perlindungan Data Peribadi Pekerja Monash University Malaysia

Monash University Malaysia menghormati dan komited untuk melindungi maklumat peribadi dan privasi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi ini menjelaskan cara kami mengumpul dan mengendalikan maklumat peribadi anda mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia. Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin meminda Notis Perlindungan Data Peribadi ini pada sebarang masa tanpa notis terlebih dahulu dan akan memaklumkan kepada anda tentang sebarang pemindaan sebegitu melalui laman web atau e-mel.

(1) Maklumat Peribadi

1.1 *Jenis maklumat peribadi*

Maklumat peribadi bermakna sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda (termasuk butir-butir ahli keluarga anda) yang dikumpul atau dibekalkan kepada Monash University Malaysia bagi tujuan-tujuan berkaitan penggajian. Maklumat peribadi anda boleh termasuk nama anda, nombor NRIC / paspot, gambar, butir-butir perhubungan, nombor Pertubuhan Keselamatan Sosial (**SOCSO**), nombor Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("**EPF**"), nombor cukai pendapatan, nombor akaun bank, rekod pekerjaan lampau, akademik, maklumat berkaitan keprofesionalan, CCTV / perakaman keselamatan, rekod jenayah dan status kebangkrapan.

1.2 *Sumber maklumat peribadi*

Monash University Malaysia mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung daripada anda (sebagai contoh, melalui borang-borang permohonan pekerjaan, borang-borang deklarasi butir-butir peribadi, surat tawaran pekerjaan / borang pendapatan pekerjaan dahulu) atau secara tidak langsung daripada agen-agen perekrutan, penyokong dan carian yang dijalankan atau maklumat yang diperoleh daripada mana-mana agensi kawal selia, pelaporan kredit atau agensi-agensi lain yang serupa.

1.3 *Maklumat peribadi wajib*

Semua maklumat yang diminta dalam borang-borang yang berkaitan adalah wajib untuk anda bekalkan melainkan dinyatakan sebaliknya.

Sekiranya anda gagal untuk membekalkan maklumat wajib, kami mungkin tidak akan dapat:

- memproses dan menilai permohonan anda pada tahap permohonan; dan
- membekalkan anda dengan perkhidmatan-perkhidmatan dan faedah-faedah berkaitan atau membantu anda dalam perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penggajian anda setelah permulaan penggajian anda dengan Monash University Malaysia.

(2) Tujuan-tujuan pengumpulan dan pemprosesan lanjut (termasuk pendedahan) maklumat peribadi anda.

Maklumat peribadi anda dikumpul dan diproses selanjutnya oleh Monash University Malaysia seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan bagi tujuan-tujuan berkaitan penggajian, termasuk yang berikut:

- untuk memproses permohonan anda bagi pekerjaan dan mempertimbangkan kesesuaian anda bagi tugas yang dipohon;
- untuk memproses perkara-perkara berkaitan dengan tuntutan-tuntutan dan faedah-faedah;
- untuk membekalkan anda dengan latihan atau perkembangan sumber manusia yang lain;
- untuk memudahkan peminjaman dan pemindahan anda dalam Monash University dan/atau pihak-pihak bersekutunya;
- untuk memproses gaji anda;
- untuk menilai prestasi anda;
- untuk menyelesaikan pertelingkahan tempat kerja dan menilai tindakan disiplin (berkenaan dengan siasatan-siasatan dalaman, tujuan-tujuan pengauditan atau keselamatan);
- untuk memenuhi obligasi-obligasi laporan yang berkaitan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan seperti cukai pendapatan / EPF / SOCSO dan laporan statistik; dan
- untuk memproses perkara-perkara lain berkaitan dengan penggajian anda (seperti acara-acara / majlis-majlis / aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Monash University Malaysia bagi pekerja-pekerjanya).

Ia adalah dasar kami adalah untuk mengekalkan data peribadi pekerja walaupun anda berhenti untuk digajikan oleh kami. Data tersebut diperlukan untuk apa-apa aktiviti residual berkaitan dengan pekerjaan yang berhubung dengan seseorang bekas pekerja termasuk, tetapi tidak terhad kepada pemberian rujukan kerja, pemrosesan permohonan untuk pengambilan semula pekerja, perkara-perkara yang berkaitan dengan faedah persaraan dan supaya kami dapat memenuhi kewajipan di bawah kontrak atau undang-undang.

(3) Pendedahan dan pemindahan maklumat peribadi (di dalam atau luar Malaysia)

3.1 *Monash University Malaysia dan Monash University*

Maklumat peribadi anda yang diberikan kepada kami diproses oleh Monash University Malaysia dan Monash University dan rakan kongsi penyumberan luarnya (di dalam atau luar Malaysia).

Monash University Malaysia akan memastikan bahawa:

- (i) akses ke maklumat peribadi anda adalah terhad kepada pekerja-pekerja yang mana akses diperlukan secara kontrak untuk memproses maklumat peribadi anda mengikut keperluan-keperluan tugas mereka masing-masing; dan
- (ii) hanya maklumat yang diperlukan sahaja akan didedahkan kepada pekerja-pekerja berkenaan.

3.2 *Kelas pihak-pihak Ketiga*

Maklumat peribadi anda didedahkan atau dipindahkan kepada pihak-pihak ketiga yang berkaitan (sama ada di luar atau dalam Malaysia) seperti yang diperlukan di bawah undang-undang atau menurut hubungan kontrak yang berkenaan (sebagai contoh, kami melantik pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga).

Dalam keadaan suatu penjualan perniagaan, pelupusan, perolehan, penggabungan atau penyusunan semula yang berpotensi, dirancang atau sebenar ("**Transaksi**"), maklumat peribadi anda mungkin diperlukan untuk didedahkan atau dipindah kepada suatu pihak ketiga sebagai akibat Transaksi tersebut. Anda di sini mengaku bahawa pendedahan dan pemindahan sebegini boleh berlaku dan membenarkan Monash University Malaysia untuk mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak yang lain dan penasihat-penasihat/wakil-wakilnya.

Maklumat peribadi anda boleh didedahkan kepada kelas-kelas pihak ketiga yang berikut:

- Kementerian Pendidikan, jabatan-jabatan / agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, pihak berkuasa berkanun dan pengawal selia industri;
- Mana-mana orang yang mana kami terpaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang atau sebagai balasan kepada agensi kompeten atau kerajaan;
- Majikan-majikan anda yang kini, lepas atau bakal;
- Institusi-institusi latihan dan pendidikan serta badan-badan pemeriksaan;
- Agensi-agensi penggajian dan perekrutan;
- Agensi-agensi dan penasihat-penasihat kewangan;
- Rakan-rakan sejawat kami yang membekalkan program-program pengajian;
- Badan-badan profesional atau kawal selia berkanun atau badan akreditasi (jika anda ialah seorang kakitangan pengajaran dan bergantung kepada keperluan-keperluan program atau kursus atau keadaan yang wujudnya kerjasama antara Monash University Malaysia dengan badan yang berkaitan);
- EPF;
- SOCSO;
- Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- Agensi-agensi penguatkuasa;
- Pembeli / Pengganti hak milik perniagaan atau saham (seluruh atau sebahagiannya) Monash University Malaysia yang berpotensi atau sebenar; dan
- Pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, syarikat percetakan, syarikat telekomunikasi, kontraktor, penasihat-penasihat lain, penganju acara / latihan dan syarikat insurans).

(4) Hak untuk akses dan meminda maklumat peribadi

Anda berhak untuk mengakses dan meminda maklumat peribadi anda yang kami pegang. Kami akan melakukan segala usaha untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda adalah tepat dan terkini, justeru itu kami meminta agar anda terus memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat anda.

Sekiranya anda ingin mengakses maklumat peribadi anda, sila rujuk [Borang Akses Data](#) dan hantar borang yang telah diisi atau pertanyaan ke butir-butir perhubungan yang terdapat dalam Seksyen (5) di bawah. Sekiranya anda ingin meminda maklumat peribadi anda, sila hubungi Monash University Malaysia melalui butir-butir yang dibekalkan dalam Seksyen (5) di bawah.

(5) Pengehadan pemprosesan maklumat peribadi, pertanyaan lanjut dan aduan

Sekiranya:

- anda ingin memperoleh maklumat lanjut tentang cara untuk mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi anda;
- anda mempunyai pertanyaan lanjut; atau
- anda ingin membuat suatu aduan berkenaan dengan maklumat peribadi anda, anda boleh menghubungi :-

Pengarah, Sumber Manusia

Tel : +603 - 5514 4955

Alamat e-mel : janice.wong@monash.edu

Faks : +603 - 5514 6144

(6) Laman Web

6.1 *Pautan ke laman-laman web yang lain*

Pautan-pautan ke laman-laman web yang lain dibekalkan bagi kemudahan dan maklumat anda. Laman-laman web ini mungkin mempunyai kenyataan privasi masing-masing, yang kami cadangkan agar anda semak semula sekiranya anda melawat mana-mana laman web dalam pautan. Kami tidak bertanggungjawab bagi kandungan dalam pautan laman-laman web atau sebarang penggunaan laman-laman web tersebut.

6.2 *Cookies*

Suatu cookie mungkin boleh digunakan dalam pemprosesan maklumat anda. Suatu cookie ialah fail teks yang ditempatkan di dalam ingatan komputer dan / atau peranti anda oleh komputer-komputer kami. Suatu salinan fail teks dihantar oleh komputer dan / atau peranti anda apabila anda berkomunikasi dengan pelayan kami. Kami menggunakan cookies untuk mengenal pasti anda. Kami juga mungkin mengumpul maklumat berikut semasa anda melawat laman web dan/atau nama domain berkecualan penuh yang anda berasal untuk mengakses laman web kami, atau secara alternatif, alamat IP anda:

- tarikh dan masa anda mengakses setiap laman dalam laman web kami;
- URL bagi sebarang laman web yang anda berasal untuk mengakses laman web kami (perujuk tersebut); dan
- pelayar web yang anda guna dan laman-laman web yang telah anda akses.

(7) Konflik

Dalam keadaan berlakunya sebarang konflik antara Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Inggeris dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Malaysia yang sepadan dengannya, terma-terma Notis dalam Bahasa Inggeris akan mengatasinya.